



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**11 OKTOBER 2017**

**Disediakanoleh : Unit KomunikasiKorporat**

## ISU :SKIM INSURANS PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>ASTRO AWANI</b> RUU Sistem Insurans Pekerjaan baharu dibentangkan 24 Oktober  <b>FREE MALAYSIA TODAY</b> Minister: Employee Insurance Scheme will help over 50,000 in 2018  <b>ASTRO AWANI</b> 5,000 wanita menangis diberhentikan kerja, siapa nak bela? – MTUC  <b>UTUSAN MALAYSIA</b> Kadar caruman SIP dikurangkan kepada 0.2%	<b>MENTERI KSM</b>  <b>MEF</b>  <b>PERKESO</b>

### AKHBAR : ASTRO AWANI

#### RUU Sistem Insurans Pekerjaan baharu dibentangkan 24 Oktober

**KUALA LUMPUR:** Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (SIP) yang baharu akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 24 Oktober ini. Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot berkata RUU itu telah mendapat persetujuan hasil rundingan tiga pihak melibatkan Kerajaan, majikan dan pekerja. "Melihat kepada kuantum atau peratusan yang akan dibayar majikan dan juga pekerja, kita telah mengambil keputusan bahawa ia akan dibentangkan sebagai RUU baharu.

"Ini bererti saya tidak akan baca kali kedua di mana RUU yang pertama (sebelum ini) kita akan umumkan sebagai boleh dikatakan ditarik balik dan kita akan membentangkan RUU baharu besar kemungkinan pada 24 Oktober selepas RUU pertama ditarik dan lepas itu, bacaan kedua dan ketiga akan dibuat pada 24, 25 dan 26 Oktober ini," katanya kepada Astro AWANI selepas sesi taklimat ketua pengarang media berkenaan pelaksanaan SIP di ibu negara hari ini. Katanya, RUU sebelum ini yang dibentangkan pada 1 Ogos lalu ditarik semula selepas mendapat tentangan daripada beberapa pihak terutama kesatuan pekerja.

Malah, pihaknya juga telah mengadakan lebih 20 sesi perbincangan melibatkan pihak berkepentingan bagi memastikan jumlah caruman yang bakal dilaksanakan memberi manfaat besar kepada pekerja. "Selepas diluluskan Majlis Ekonomi Negara, kita (Kementerian Sumber Manusia) membawa RUU ini ke Kabinet dan telah diluluskan. Kabinet juga meminta supaya mengadakan lagi rundingan dengan majikan dan pekerja berkenaan kuantum atau jumlah caruman." Dalam perbincangan itu majikan dan pekerja telah setuju bahawa jumlah caruman adalah 0.4 peratus iaitu 0.2 peratus caruman majikan manakala 0.2 peratus lagi melibatkan pekerja," katanya.

Malah, pihaknya juga telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah negara pelaksana SIP seperti Thailand, Jepun, Korea Selatan, Finland dan Norway dalam mendapatkan input terbaik bagi pelaksanaannya di negara ini. RUU SIP bertujuan membantu mereka yang kehilangan pekerjaan mendapatkan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu selain menjadi jaringan keselamatan sosial yang dibiayai melalui caruman daripada pekerja dan majikan, manakala dananya akan ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Semua pekerja tempatan dalam sektor swasta akan menikmati skim ini bermula tahun hadapan. Selepas penguatkuasaan undang-undang itu, bayaran faedah dijangka boleh dibuat mulai 1 Januari 2019. Skim itu bagaimanapun tidak membabitkan mereka yang berhenti secara sukarela. Bagaimanapun, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk

Shamsuddin Bardan membantah RUU SIP sebelum ini dengan alasan jumlah pekerja tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat penutupan syarikat adalah kecil. Malah, beliau melihat pelaksanaan SIP tidak praktikal apabila pihak majikan dan pekerja terpaksa membayar (50 peratus bagi setiap pihak) jumlah caruman lebih daripada RM1 bilion setahun.

#### AKHBAR :FREE MALAYSIA TODAY

**Minister: Employee Insurance Scheme will help over 50,000 in 2018**  
**Human Resources Minister Richard Riot says govt to table EIS Bill in Parliament on Oct 24, reducing monthly contribution from 0.5% to 0.2%.**



**KUALA LUMPUR:** Some 57,282 people who lost their jobs are projected to be eligible for the interim Employment Insurance System (EIS) payment in 2018, with fund collection in the same year estimated at RM479 million. Human Resources Minister Richard Riot Jaem, said that the EIS, a social safety net aimed at helping workers who lost their earnings due to loss of employment, was expected to be tabled in Parliament on Oct 24. Prime Minister Najib Razak had announced the scheme in March, which he said would benefit around 6.5 million local employees in the private sector. Riot said that stakeholders have agreed that the contribution rate of the “people centric” scheme be reduced to 0.2% from 0.5%, which would be contributed equally by both employers and employees. “This is the lowest rate of contribution in the world. The Cabinet had endorsed the decision on Aug 17 and instructed the EIS Bill to be tabled in Parliament this October,” he said in a special briefing to the media on the latest development concerning the EIS.

Riot said that the objective of the EIS, to be managed by the Social Security Organisation (Socso), was to provide immediate financial assistance, enabling the beneficiaries to cover their living expenses during the transition period until they obtain suitable employment. However, under the EIS, workers who leave their employment voluntarily, work on fixed term contracts, retire or are dismissed due to misconduct, will not be eligible to claim the EIS benefits. Riot said that the EIS, based on the “solidarity fund, pooling of resources and sharing of risks,” concept, would also provide job matching and job placement to help displaced workers get re-employed as well as reskilling and upskilling training to improve their employability.

“The government believes that the EIS will play a significant role as a stabiliser of the economy and give positive impact on maintaining economic activity in a sustainable manner, particularly during an economic slowdown or recession. “The implementation of the EIS will also improve the efficiency of the labour market through the matching of labour supply and demand, thus increasing the productivity and competitiveness of the industry,” he said. He pointed out that the EIS has already been implemented in more than 75 countries including all developed countries and neighbouring countries like Vietnam, Thailand, Taiwan, South Korea, China and Japan. Riot stressed that most of the countries that introduced the EIS during a stable economic environment had proven that the scheme significantly helped displaced workers during challenging economic situations. “Therefore this is the perfect time to implement the EIS, which is an important safety net for our workers, who are assets to the nation,” he said.

## AKHBAR : ASTRO AWANI

### 5,000 wanita menangis diberhentikan kerja, siapa nak bela? - MTUC

**KUALA LUMPUR:** "Apa yang paling teruk saya pernah hadapi adalah perhimpunan kira-kira 5,000 pekerja wanita di Bangunan Komtar Pulau Pinang dan menangis kerana tiada pembelaan selepas diberhentikan pada tahun 1997," itu pengakuan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdul Halim Mansor. Lantas, beliau mencetuskan persoalan. Siapakah yang akan membela pekerja yang diberhentikan tanpa sebarang alasan kukuh mahu pun pampasan?

Abdul Halim menyifatkan keputusan kerajaan mewujudkan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) tepat pada masanya selain dinanti-nantikan MTUC, memandangkan setakat ini tiada pembelaan sewajarnya diberikan majikan apabila berlaku pembuangan pekerja. "Sebelum ini kita telah cadangkan dalam tahun 1988 atau 1989 untuk mengutip 50 sen daripada setiap pihak, iaitu majikan dan pekerja, tapi cadangan itu ditolak." Kemudian kita minta supaya RM1 ditolak daripada gaji pekerja oleh majikan. Tapi majikan bagi alasan mesin atau sistem untuk menolak RM1 itu terlalu mahal," katanya ketika ditemui Astro AWANI selepas majlis taklimat media pelaksanaan SIP di ibu negara hari ini.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Dr Mohammed Azmin Aziz Mohammed berkata, SIP akan menjadi jaminan untuk memastikan kelangsungan hidup seseorang pekerja itu selepas diberhentikan. "SIP ini juga akan memastikan bahawa akan ada makanan di atas pinggan mereka yang diberhentikan. Ini adalah antara komitmen utama kita dalam memastikan pembelaan sewajarnya kepada para pekerja," ujarnya ketika membentangkan pelan pelaksanaan SIP. Malah, beliau turut bersetuju bahawa Revolusi Industri Keempat dan ekonomi digital akan menyebabkan pengurangan dan pemberhentian pekerja berlaku dalam skala lebih besar.

Katanya, SIP juga akan menjadi keyakinan kepada pekerja yang melakukan kerja-kerja tidak formal atau separa formal untuk terus bekerja. "Jika tiada perlindungan sewajarnya, mungkin esok dia diberhentikan... macam mana hendak ada wang untuk menampung hidup," katanya. Katanya, sehingga kini terdapat tunggakan sekitar RM650 juta pampasan terkumpul pekerja dalam tempoh 20 hingga 30 tahun yang masih tidak dibayar. "Kita menegaskan bahawa SIP ini bukan faedah kedua kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebaliknya ia adalah satu perlindungan yang menggunakan *risk pooling*," katanya.

Pelaksanaan SIP yang menjadi jaringan keselamatan sosial akan dibiayai melalui caruman daripada pekerja dan majikan. Dana SIP itu akan ditadbir oleh Perkeso. SIP akan memberi perlindungan kepada semua pekerja swasta di negara ini dengan caruman minima RM1.90 sen sebulan bagi gaji RM1,000 manakala RM7.90 bagi gaji RM4000 dan ke atas. Caruman berjumlah 0.4 peratus daripada jumlah gaji tersebut meliputi 0.2 peratus caruman pekerja manakala 0.2 peratus lagi caruman majikan.

Tempoh matang bagi caruman tersebut adalah 12 bulan selepas caruman dibuat di mana pekerja akan menerima antara 80 hingga 30 peratus elaun daripada jumlah gaji asal dalam tempoh enam bulan selepas diberhentikan. Malah, 25 peratus daripada baki elaun akan diberikan kepada pekerja yang berjaya mendapatkan kerja dalam tempoh 6 bulan daripada pemberhentian. Selain itu, terdapat juga elaun latihan, yuran latihan serta bantuan untuk mendapatkan kerja baharu.

Mengikut rekod, Malaysia merupakan negara terendah dalam kutipan caruman SIP berbanding Thailand, 1.25 peratus dan Vietnam tiga peratus. Jika dibandingkan dengan Faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja, ia akan mengambil kira gaji bagi setiap tahun perkhidmatan.

## AKHBAR :UTUSAN MALAYSIA

### **Kadar caruman SIP dikurangkan kepada 0.2%**

**KUALA LUMPUR-** Kerajaan telah memutuskan kadar caruman Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) oleh majikan dan pekerja dikurangkan kepada 0.2 peratus berbanding 0.5 peratus yang akan dibentangkan semula di Parlimen pada 24 Ogos ini. Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, kerajaan bersama pihak majikan dan pekerja telah bersetuju dengan kadar tersebut dan ia merupakan antara yang terendah di dunia setelah dilaksanakan lebih dari 75 buah negara.

Beliau berkata, SIP yang akan bermula pada 2018 merupakan jaringan keselamatan sosial amat penting untuk membantu pekerja yang kehilangan pendapatan disebabkan hilangnya pekerjaan. "Kita menjangkakan caruman daripada SIP bermula pada 2018 bernilai RM479 juta dan bilangan yang layak untuk menikmati pembayaran ialah seramai 57,282 orang pada tahun yang sama.

"Kerajaan percaya bahawa SIP akan memainkan peranan penting sebagai penstabil ekonomi dan memberi kesan positif dalam mengekalkan aktiviti ekonomi negara secara mampan sekiranya berlaku kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Taklimat Kepada Ketua-Ketua Pengarang berhubung SIP di sini hari ini. Turut hadir Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed. Pada Ogos lalu, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menolak cadangan kerajaan untuk melaksanakan SIP kerana menyifatkan jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat penutupan syarikat sangat sedikit.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berkata, skim berkenaan tidak adil kerana sekiranya dilaksanakan pekerja hanya akan memperoleh faedah yang rendah iaitu enam peratus manakala bakinya akan digunakan untuk menampung kos insurans. "MEF menolak cadangan 0.5 peratus daripada gaji dan mungkin boleh mempertimbangkan sekiranya kerajaan, majikan dan pekerja sama-sama menyumbang RM1 setiap bulan," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Richard berkata, kerajaan pada 17 Mac lalu telah memutuskan supaya SIP dilaksanakan mulai Januari 2018 manakala bayaran faedah sistem itu bermula pada Januari 2019. Katanya, bagaimanapun pekerja yang meninggalkan pekerjaan secara sukarela, pekerja kontrak, bersara dan dipecat kerana kelakuan buruk tidak layak untuk memohon manfaat SIP.

## ISU :PEMBERHENTIAN KAKITANGAN MAS

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>BERITA HARIAN</b> Pemberhentian kakitangan MAS: Penjelasan sudah memadai  <b>ASTRO AWANI</b> Richard Riot jelaskan isu pemberhentian 3,600 kakitangan MAS  <b>FREE MALAYSIA TODAY</b> Minister says hands tied over fate of 3,600 laid-off MAS workers	<b>MENTERI KSM</b>  <b>MAS</b>

### AKHBAR :BERITA HARIAN

#### Pemberhentian kakitangan MAS: Penjelasan sudah memadai

**KUALA LUMPUR** : Kementerian Sumber Manusia, hari ini, tampil membuat penjelasan berhubung isu pemberhentian kerja 3,600 kakitangan kesatuan sekerja Penerbangan Malaysia (MAS) berikutan pelan penyusunan semula syarikat penerbangan nasional itu. Menteri, Datuk Seri Richard Riot, berkata pihaknya menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan sudah mengemukakan surat penjelasan penuh berhubung isu itu.

"Sebanyak 1,500 daripada 3,600 kakitangan kesatuan sekerja MAS sudah diberikan surat penjelasan berhubung isu pemberhentian kerja. "Penjelasan itu sudah memadai kerana mengikut Akta Kerja 1955, Menteri tidak perlu mengemukakan sebab atau musabab pemberhentian seseorang pekerja," katanya pada sidang media, di sini, sebentar tadi. Beliau menjawab dakwaan kesatuan sekerja MAS yang membuat tuntutan penjelasan kementerian yang mengambil masa dua tahun untuk melaksanakan tindakan mengikut undang-undang.

Riot berkata, kementerian tidak boleh mengambil tindakan menyaman syarikat penerbangan nasional atau individu kerana pemberhentian kerja skala besar berikutan syarikat sudah diisytiharkan muflis. Sementara itu, katanya, penjelasan dibuat selepas dua tahun kerana tempoh moratorium pelan pemulihan MAS berakhir pada 24 Mei lalu. MAS secara teknikalnya telahpun muflis seperti yang dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Christoph Mueller dan pemberhentian pekerja adalah opsyen yang muktamad.

### AKHBAR :ASTRO AWANI

#### Richard Riot jelaskan isu pemberhentian 3,600 kakitangan MAS

**KUALA LUMPUR**: Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot Jaem hari ini berkata kementerian itu tidak diperlukan oleh undang-undang untuk menjelaskan kelewatan dalam membawa kes 3,600 kakitangan Malaysia Airlines yang diberhentikan ke Mahkamah Perindustrian. Bagaimanapun, beliau berkata kementerian berkenaan, menerusi Jabatan Perhubungan Perindustrian, telah menghantar surat kepada pekerja yang terbabit untuk menjelaskan tentang situasi itu.

Surat itu, katanya, sehingga kini telah dihantar kepada kira-kira 1,500 daripada 3,600 kakitangan diberhentikan yang menganggotai kesatuan sekerja MAS. "Itu bagi saya sudah memadai untuk menjawab ... kami tidak terikat kepada undang-undang untuk memberi penjelasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti ASEAN di sini hari ini. Riot turut menegaskan MAS tidak lagi wujud dan oleh kerana syarikat itu telah dibubarkan,

kementerian berkenaan tidak boleh memburunya. Bulan lepas, Kesatuan Kebangsaan Atendan Penerbangan Malaysia mempersoalkan kementerian itu yang mengambil masa dua tahun untuk memutuskan supaya tidak merujuk kes 3,600 pekerja MAS yang diberhentikan ke Mahkamah Perindustrian. Ketika ditanya tentang perkara itu, ketua pengarah jabatan berkenaan Khalid Jali berkata ini disebabkan moratorium berkaitan peralihan MAS kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang sedang mengambil tempat. Ia tamat pada 24 Mei 2017. Mengenai persidangan itu, Riot berkata adalah penting bagi syarikat dalam ASEAN, terutamanya Malaysia, untuk menerima pakai Sistem Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) untuk meningkatkan pertumbuhan dan produktiviti.

Beliau berkata lebih 81,000 syarikat di Malaysia sehingga kini menerima pakai sistem itu yang melibatkan 3.7 juta pekerja. Beliau berharap cadangan yang dibuat pada persidangan sehari itu akan disalurkan kepada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Buruh ASEAN yang dijadual pada Mei 2018. Bertemakan 'Mempertingkatkan Struktur Gaji yang Menggalakkan Pewujudan dan Perkongsian Kekayaan', persidangan anjuran kementerian itu disertai 250 pegawai kanan dari negara anggota ASEAN selain wakil dari Jepun, China dan Korea Selatan.

## **AKHBAR :FREE MALAYSIA TODAY**

### **Minister says hands tied over fate of 3,600 laid-off MAS workers**

**KUALA LUMPUR:** Human Resources Minister Richard Riot finally broke his silence on the delay in referring the cases of 3,600 Malaysia Airlines (MAS) workers who were laid-off, saying the ministry is legally not required to provide an explanation. Riot said as MAS had declared bankruptcy, the ministry could not legally go after the company. "According to the law, as the company had declared bankrupt, we can't go after it because it is no longer in existence," he told reporters at a press conference here after the closing ceremony of the Asean Productivity Linked Wage conference today.

Riot said that legally the ministry would not be able to go after the individuals involved as MAS had been replaced by Malaysia Airlines Bhd (MAB). He did not say exactly what will happen now and what the workers can expect. However, he said, letters had been sent to the workers who had been laid off with a full explanation of the situation. "Our ministry, through the Industrial Relations Department, has written 1,500 letters so far, out of the 3,600 individuals, with full explanations.

"Actually we are not required by law to give an explanation," he said. When questioned why it had taken two years for the case to be referred, Department of Industrial Relations director general Khalid Jalil said they had waited for the moratorium to be over. "The last day of the moratorium (which details the transition of the business, property, rights, liabilities and affairs of MAS to MAB) was May 24, so we could only act after that," he said. On Sept 21, the National Union of Flight Attendants Malaysia (Nufam) had questioned the delay by the human resources ministry in referring the case of the 3,600 MAS workers who were laid-off to the Industrial Court.

Nufam president Ismail Nasaruddin said the former MAS workers had filed their cases with the ministry more than two years ago but there had been no progress. "Some might think the matter has already been resolved with the airline. The minister has not even referred the case. "We demand that the ministry speed up the referral process of these 3,600 cases as they have been waiting for far too long," he had said.

On June 15, MAS announced it was laying off 6,000 of its workers as part of a restructuring programme. Out of that number, 3,600 came under the union. Ismail had said Nufam had approached the ministry but there had been no response. The most recent correspondence was on Sept 6, when Nufam sent a letter to the deputy minister and secretary-general of the ministry. He was worried that the complete takeover process of MAS by Malaysia Airlines Bhd (MAB), expected next year, would result in those who were laid-off not receiving any compensation. Meanwhile, Riot announced that the National Wages Index would only be published in December as there were "some elements" that needed to be refined.

## ISU :INDEKS GAJI KEBANGSAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	KOSMO Indeks Gaji Kebangsaan dimuktamadkan pada Disember	MENTERI KSM

### AKHBAR : KOSMO

#### Indeks Gaji Kebangsaan dimuktamadkan pada Disember

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Manusia menjangkakan kajian berhubung Indeks Gaji Kebangsaan hanya mampu diselesaikan menjelang bulan Disember ini. Menterinya, Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, kajian berkenaan sepatutnya siap pada Julai lalu, namun pihaknya masih meneliti beberapa penemuan terbaharu sebelum indeks berkenaan dapat dimuktamadkan.

"Kami sedang berusaha keras berhubung perkara ini, kami perlu mengambil kira semua perkara kerana selepas kajian ini dimuktamadkan ia perlu dilaksanakan," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan perasmian Persidangan Gaji Berasaskan Produktiviti ASEAN yang diadakan di sini hari ini. Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang baharu, Dr. Mohd. Gazali Abas.

## ISU :PRODUKTIVITI PLWS

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	ASTRO AWANI PLWS tingkat pendapatan pekerja mengikut produktiviti - Richard	MENTERI KSM

### AKHBAR :ASTRO AWANI

#### PLWS tingkat pendapatan pekerja mengikut produktiviti - Richard

**KUALA LUMPUR:** Sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (PLWS) menjadi ramuan untuk meningkatkan kadar gaji pekerja dengan kerjasama majikan. Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot berkata, ia sekali gus dapat memberi merapatkan hubungan serta keuntungan di dalam sesebuah organisasi.

Jelasnya, pengenalan sistem itu akan menjadikan penambahan pendapatan struktur pekerja secara amnya di negara-negara ASEAN. "Kerajaan hendak memastikan produktiviti kita ini naik dengan melaksanakan PLWS." Saya sudah beritahu sebelum ini, bahawa kalau majikan mendapat keuntungan yang banyak, jadi keuntungan itu perlu dibahagikan dengan para pekerja.

"Dengan pembahagian itu, pekerja akan berusaha dengan lebih gigih dan bekerja kuat untuk memastikan keuntungan bertambah," katanya semasa sidang media selepas merasmikan Persidangan Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti ASEAN di sini hari ini. Persidangan sehari itu bertujuan mewujudkan kesedaran tentang kepentingan PLWS dan membina persefahaman mengenainya di kalangan negara-negara ASEAN.



Seramai 250 wakil termasuk Jepun, China dan Korea menyertai persidangan sehari yang menekankan isu produktiviti selain menyumbang dan merealisasikan objektif pekerja ASEAN. Dalam pada itu kata Richard, PLWS juga usaha kerajaan mempromosi sistem itu secara meluas dan menjadi pintu gerbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

PLWS juga jalan ke hadapan untuk sistem gaji fleksibel dan berdaya saing yang memastikan kestabilan pekerjaan dan mengurangkan pemberhentian sekiranya berlaku kelembapan ekonomi. Ia adalah sistem upah, yang membuktikan hubungan antara upah dan produktiviti yang akan memastikan kenaikan upah yang sepadan dengan peningkatan produktiviti.

#### **ISU :PENINGKATAN SISTEM PENGANGKUTAN**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKHBAR &amp; TAJUK BERITA</b>	<b>PIHAK TERLIBAT</b>
<b>1.</b>	<b>11 OKTOBER 2017 (RABU)</b>	<b>SINAR HARIAN</b> Tenaga kerja bantu tingkat sistem pengangkutan	<b>TIMB. MENTERI KSM</b>

#### **AKHBAR : SINAR HARIAN**

##### **Tenaga kerja bantu tingkat sistem pengangkutan**

IPOH - Kewujudan tenaga kerja mahir khususnya dalam bidang pengangkutan awam, diharap mampu meningkatkan tahap sistem pengangkutan di negara ini. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Sri Ismail Muttalib berkata, kewujudan golongan berkenaan (tenaga kerja mahir) ini secara keseluruhannya dilihat mampu menangani cabaran pada masa hadapan. Malah menurutnya, hasrat berkenaan selaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha merealisasikan sasaran mewujudkan 30 peratus golongan tenaga kerja mahir menjelang 2020.

"Kita perlukan tenaga-tenaga mahir ini dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian sistem pengangkutan di negara ini." Oleh itu kewujudan golongan tenaga kerja mahir sebanyak 30 peratus menjelang 2020 nanti diharap dapat membantu pula bagi menangani cabaran lebih besar, TN50 kelak," katanya. Ismail Muttalib berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Konvokesyen Akademi KTM ke-2 di Dewan Seri Perak Akademi KTM Batu Gajah pagi tadi.

## ISU :BANTUAN TIMBALAN MENTERI TERHADAP MANGSA KEMALANGAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>SINAR HARIAN</b> Timbalan Menteri bantu mangsa kemalangan	<b>TIMB.MENTERI KSM</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Timbalan Menteri bantu mangsa kemalangan



*Ismail Abd Muttalib (dua kanan) membantu mangsa kemalangan di Lebu Raya Pantai Timur, semalam.*

**MARAN** - Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib yang juga Ahli Parlimen Maran, ketika dalam perjalanan bagi merasmikan beberapa prgram, telah memberhentikan kenderaan rasminya bagi membantu mangsa kemalangan di Lebu Raya Pantai Timur, semalam.

Mangsa, Muhammad Shukri Abu Osman, 27, tiba-tiba terbabas ketika menunggang motosikal berseorangan kira-kira jam 8.45 pagi. Ismail berkata, selaku insan biasa beliau berasa terpanggil untuk membantu mangsa kemalangan tersebut selepas melihat mangsa terbabas di hadapan kenderaannya.

"Sebagai manusia biasa sesiapa pun akan berasa kasihan melihat orang lain ditimpa musibah. Walaupun dalam perjalanan untuk merasmikan program di Maran, saya meminta pemandu memberhentikan kenderaan dan kami keluar membantu mangsa." Alhamdulillah, semua terkawal dan mangsa hanya cedera ringan. Kepada semua pengguna jalan raya berhati-hati ketika memandu atau menunggang motosikal," katanya.

Beliau turut memberikan sedikit bantuan kewangan kepada mangsa bagi meringankan beban kerosakan dan merawat kecederaan ringan akibat trauma kemalangan tersebut.

## ISU :KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	11 OKTOBER 2017 (RABU)	<b>FREE MALAYSIA TODAY</b> Bom lama meletup, 2 pekerja MRT Bandar Malaysia putus kaki	<b>JKKP</b>

### AKHBAR : FREE MALAYSIA TODAY

**Bom lama meletup, 2 pekerja MRT Bandar Malaysia putus kaki**  
Bom era Perang Dunia Kedua itu tiba-tiba meletup mencederakan 4 pekerja.



**KUALA LUMPUR:** Polis mengesahkan letupan di tapak pembinaan stesen Transit Aliran Massa (MRT) di Bandar Malaysia semalam berpunca daripada peninggalan bom lama ketika zaman Perang Dunia Kedua. "Hasil siasatan awal mendapati ia merupakan bom lama ketika Perang Dunia Kedua, dan bom berkenaan meletup secara tiba-tiba ketika kerja pembinaan sedang dijalankan," kata Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh. Dalam kejadian kira-kira 5.00 petang itu, 3 pekerja warga Bangladesh cedera parah dan dua daripadanya putus kaki manakala seorang lagi pekerja cedera di tangan serta kaki.

Ketiga-tiga pekerja berkenaan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut. Sementara itu, sumber Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 5.23 petang dan tiba di lokasi kejadian kira-kira 10 minit kemudian. Beliau berkata seramai 25 pegawai dan anggota bersama lima jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah, Pudu dan Tun Razak dikejarkan ke tempat kejadian.